

Langkah segera elak pemalsuan sijil, ijazah IPT dalam kalangan pencari kerja

Bangunkan sistem daftar graduan

Oleh SHAHRULANNOOR ISHAK dan MOHD. HAFIZI AHMAD

KUANTAN – Semua institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara harus segera membangunkan sistem semakan daftar graduan secara online bagi membolehkan sebarang cubaan menggunakan cetakan palsu sijil dan ijazah dapat dikesan dengan mudah.

Pengerusi Jawatankuasa Naib Canselor Universiti Awam, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, sistem itu juga mesti boleh diakses oleh bakal majikan bagi menyemak kelulusan akademik yang dinyatakan pemohon pekerjaan melalui resume masing-masing.

Beliau yang juga Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) menambah, sistem itu sewajarnya memuatkan semua maklumat lengkap mengenai setiap graduan yang menamatkan pengajian di sesebuah IPT.

"Kalau beberapa tahun dahulu kita fikir sistem semakan graduan tidak perlu diadakan



ZAKARIA



DAING NASIR

kerana disebabkan kekangan kos atau sebagainya, tapi dalam keadaan sekarang ia harus dilaksanakan.

"Jika memang benar pemohon kerja itu pernah menamatkan pengajian, segala maklumat mengenai graduan itu mesti dipaparkan dalam sistem tersebut. Kalau ijazah palsu, ia juga akan tertera sebagai tidak ada nama sedemikian dalam sistem daftar graduan di universiti itu," tegas beliau semasa dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Daing Nasir berkata demikian ketika diminta mengulas berhubung pendedahan *Kosmo!* semalam mengenai kegiatan pemalsuan sijil akademik melibatkan



KERATAN *Kosmo!* semalam.

kan semua IPT di negara ini.

Sementara itu, Majlis Profesor Negara (MPN) menggesa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) membangunkan segera sistem semakan daftar secara online semua graduan IPT di negara ini bagi mengawal penggunaan sijil pengajian palsu untuk tujuan memohon pekerjaan.

Ketua Kluster Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan MPN, Prof. Datuk Dr. Zakaria Kasa berkata, cadangan penubuhan sistem semakan itu pernah diutarakan oleh MPN sebelum ini berikutan kewujudan kes pemalsuan ijazah.



SISTEM semakan daftar graduan perlu dibangunkan bagi mengesan pengguna sijil dan ijazah palsu oleh pencari dikesan. – Gambar hiasan

Beliau berkata, MPN selaku badan pemikir di negara ini juga bersedia untuk mengendalikannya sistem tersebut sekiranya dibenarkan oleh KPT bagi memudahkan pihak ketiga seperti majikan memeriksa ketulenan graduan sesebuah IPT untuk diambil bekerja.

Dalam pada itu, Universiti Sains Malaysia (USM) tidak akan berkompromi dengan sindiket yang membekalkan

ijazah palsu, kata Naib Canselornya, Prof. Datuk Asma Ismail.

Dalam satu kenyataan semalam beliau berkata, USM telah memperketatkan proses pengesahan ijazah di pelbagai peringkat dan setiap ijazah yang dikeluarkan kepada graduan termasuk ijazah kehormat dilengkapkan dengan tidak kurang daripada 15 ciri keselamatan yang dirahsiakan daripada pengetahuan umum.